

TAHAP AMALAN PENGHAYATAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR ISLAM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC)

Nur Hafizah Binti Abdullah Hadi
Izahadi9488@yahoo.com

Mohd Isa Bin Hamzah
isa_hamzah@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pendidikan merupakan proses dalam memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, memupuk nilai murni dalam diri setiap individu. Pendidikan Islam ialah ilmu yang wajib dipelajari oleh umat Islam bagi menyelamatkan umat daripada terpesong dari landasan ajaran yang dianjurkan dalam Islam. Tambahan lagi, melalui Ilmu Pendidikan Islam ini, seseorang itu dapat membentuk sebuah peribadi yang baik. Berdasarkan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah rendah, ianya merangkumi enam aspek yang terdiri daripada bidang Asuhan Tilawah al-Quran, Ulum Syariah Akidah, Ibadah, Sirah, Akhlak dan Jawi. Melalui bidang-bidang ini, pelajar didedahkan dengan pengetahuan yang bersesuaian dengan mereka supaya para pelajar dapat meningkatkan tahap amalan mereka seterusnya dapat menghayati ilmu Pendidikan Islam dengan baik. Kertas konsep ini membincangkan tentang tahap amalan penghayatan pelajar di SJKC dalam ilmu Pendidikan Islam yang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti ibu bapa, guru, rakan sebaya, persekitaran sekolah dan media massa. Dalam mengkaji tahap penghayatan amalan pelajar mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang berlaku kepada pelajar beragama Islam di SJKC. Antara isu yang pernah diutarakan ialah seperti kekurangan guru, waktu sesi pengajaran bagi subjek Pendidikan Islam dipendekkan berbanding sekolah kebangsaan lain, kurangnya kemudahan seperti surau untuk melakukan aktiviti keagamaan misalnya amali whuduk, solat dan lain-lain. Hasil daripada pembentukan kurikulum Pendidikan Islam yang menerapkan enam aspek itu dapat membentuk pelajar yang menghayati dan beramal dengan ilmu yang diperoleh di sekolah di samping dapat menjadikan peribadi pelajar Islam yang unggul di mata dunia. Secara keseluruhannya, kertas konsep ini dihasilkan agar dapat membantu pihak yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu tersebut seterusnya dapat memperbaiki mutu sistem pengajaran di sekolah dari masa ke masa.

Kata Kunci: *Konsep Pendidikan Islam, Bidang Pendidikan Islam, Faktor yang Mempengaruhi Tahap Amalan Pendidikan Islam*

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia dengan objektifnya terhadap subjek Pendidikan Islam ialah pelajar mampu membaca al-Quran, menghafaz surah-surah terpilih, memahami sejarah Islam, meyakini dan merumus asas-asas akidah, mengamalkan konsep asas ibadah, adab, serta mampu membaca, menulis ayat atau teks menggunakan tulisan Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Bagi mencapai objektif tersebut, beberapa golongan perlu bertanggungjawab seperti ibu bapa dan guru-guru bagi mencapai dan menjayakan objektif tersebut. Namun begitu, kajian ini dijalankan dengan beberapa objektif bagi mendapatkan maklumat secara lebih terperinci iaitu mengenal pasti tahap amalan penghayatan pelajar terhadap Pendidikan Islam, mengenal pasti kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam dan juga mengenal pasti faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan pelajar terhadap subjek Pendidikan Islam. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam, dasar utama yang menjadi asasnya ialah Al-Quran dan Al-Sunnah dan matlamatnya untuk mempotensikan seseorang insan agar menjadi muslim yang berilmu pengetahuan, beramal soleh dan berakhlak mulia ke arah melengkapkan diri serta tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah (Muhamat, 2014).

Pendidikan Islam merupakan subjek yang dapat membentuk setiap individu menjadi insan yang berguna atau *kamil* dan mempunyai rasa bertanggungjawab atas segala urusan di dunia dan akhirat. Islam ialah panduan hidup yang akan memandu umat Islam kearah kecemerlangan, kemuliaan, kebahagiaan, ketenangan dan lain-lain termasuklah diri, keluarga dan masyarakat. Tamabahan lagi, pelajar masa kini merupakan aset negara yang sangat bernilai di masa akan datang.

PERBINCANGAN

Antara institusi yang berperanan dalam memberi pembelajaran dan proses pembinaan tamadun serta amalan penghayatan dalam membentuk peribadi insan yang seimbang ialah institusi seperti sekolah. Kesemua sekolah yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini telah mempunyai subjek Pendidikan Islam, tidak kira Sekolah Kebangsaan (SK) mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Hal ini selaras dengan Akta Pelajaran (1997) yang mana jika ada pelajar Islam di sesebuah sekolah samada di Sk atau SJK walaupun seorang, diwajibkan untuk mengajar mata pelajaran tersebut (Nordin, 2017). Jelaslah menunjukkan bahawa Pendidikan Islam itu sangat penting untuk dipelajari dan diajar sejak dari pendidikan awal lagi supaya pelajar dapat beramal dengan ilmu yang dipelajarinya. Ini kerana, Pendidikan Islam dilihat sebagai wadah penting dalam usaha pembentukan watak dan pemikiran para pelajar berdasarkan nilai-nilai Islam (Talib, 2018).

Kebanyakan ibu bapa masa kini ingin menghantar anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan ini adalah disebabkan terdapat pelbagai kelebihan seperti, anak mereka terdedah kepada pertambahan kemahiran Bahasa iaitu Bahasa Cina yang mana ianya merupakan satu kelebihan seiring dengan perkembangan dunia yang kian berkembang. Selain itu, ibu bapa juga menganggap anak mereka dapat mempelajari sesuatu budaya yang baru dan mudah berkomunikasi dengan sesiapa sahaja apabila berada diluar nanti. Ini kerana di sekolah, mereka akan terdedah dan bergaul dengan pelbagai kaum dan agama. Hal ini selaras dengan kajian Oleh (Abdullah, 2010), bahawa pelajar yang berbeza dari segi latar belakang politik dan sosial, maka melalui pelajaran di

sekolah ianya dapat mensosialisasikan mereka semula mengikut kumpulan yang sama sehingga mampu melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Pendidikan Islam antara salah satu mata pelajaran yang penting untuk dipelajari di sekolah samada di Sekolah Kebangsaan (SK) mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Namun begitu, penerapan nilai atau penghayatan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina masih berada pada tahap yang kurang memuaskan dan sangat membimbangkan ramai pihak lebih-lebih lagi, dunia kini berdepan dengan pelbagai cabaran teknologi yang moden di mana mampu menyesatkan umat Islam jika tidak mempunyai ilmu berkenaan dengan Pendidikan Islam. Namun begitu, banyak kajian yang telah dijalankan berkenaan penghayatan Pendidikan Islam terhadap para pelajar. Antaranya ialah kajian (Fatmi, 2018), mengenai tahap penghayatan Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar, kajian (Muhammad Fikri, 2017), yang menekankan amalan penghayatan pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, kajian oleh (Othman, 2017), mengenai Pendidikan Rohani Berasaskan Sains Al-Quran yang menyentuh bidang rohani dan akhlak dalam pembinaan sikap yang terpuji, kajian (Ahmad, 2014), mengenai Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Pelajar, kajian (Mokhtar, 2011), berkenaan Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor, kajian (Awang, 2011), mengenai Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu, kajian (Mansor, 2013), iaitu mengenai Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid dan lain-lain kajian yang berkenaan dengan Pendidikan Islam.

Namun begitu, kajian secara khusus yang melihat tahap amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) masih kurang dilakukan lebih-lebih lagi kajian mengenai pelajar yang beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan yang mana memerlukan perhatian yang lebih dan kajian yang mendalam. Oleh disebabkan itu, pengkaji tertarik untuk mengupas isu ini.

Teori Personaliti Menurut Imam al-Ghazali

Menurut Imam Al-Ghazali berdasarkan teori personaliti dari sudut pandang Pendidikan Islam ialah faktor-faktor pendidikan iaitu menuntut ilmu untuk memperoleh kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat kelak yang merupakan tujuan yang sebenar dalam menuntut ilmu, maka yang dijadikan landasan utama dalam bidang pendidikan adalah al-Quran dan Hadith (Putra, 2017). Tambahan lagi, menurut Imam Al Ghazali konsep personaliti ini boleh terbahagi kepada dua iaitu pembentuk personaliti yang terpuji dan personaliti yang tidak terpuji. Personaliti terpuji dapat dilihat melalui jiwa manusia yang mempunyai tingkah laku mengikut syariat Islam (Ariffin, 2017). Hal yang demikian dapat dikaitkan dengan personaliti pelajar dan guru dalam mendidik juga pelajar selaku penuntut ilmu.

Selain itu, pentingnya personaliti yang baik menurut perspektif Imam al-Ghazali ini ialah, seseorang itu dapat mengawal hawa nafsunya serta menggunakan kecerdasan akalunya dengan melakukan perkara kebaikan seterusnya dapat mengawal hati dan perasaan daripada melakukan perkara yang mungkar. Sebaliknya, personaliti yang tidak baik mendorong hati dan hawa nafsunya kearah bertindak melanggar perintah agama serta etika masyarakat. Hal yang demikian menyebabkan hilangnya identiti seorang muslim yang taat kepada perintah Allah swt. Dapat

dikaitkan juga dengan pelajar yang mana seharusnya mempunyai minat dalam mempelajari ilmu agama supaya sentiasa mendekatkan diri kepada Allah menjauhi maksiat kerana ilmu itu suci dan tidak akan diberikan kepada orang yang dalam keadaan yang tidak suci.

Teori Pembelajaran Albert Bandura

Berdasarkan teori yang diperkenalkan oleh Albert Bandura mengenai pembelajaran ialah teori pembelajaran *social kognitif* atau disebut sebagai teori pembelajaran berdasarkan peniruan dan permodelan yang positif (Lesilolo, 2018). Melalui teori ini, pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dari orang lain. Jika yang dilihatnya itu positif maka, hasilnya juga positif. Teori ini boleh digunakan pakai dalam sesi pembelajaran. Ini kerana, di sekolah, guru sebagai model kepada pelajar. Segala perlakuan baik akan ditiru oleh pelajar secara tidak langsung melalui pemerhatian juga merupakan satu keadah dalam pembelajaran yang boleh diaplikasikan.

Selain itu, berdasarkan teori Bandura lagi, setiap proses pembelajaran ini berlaku secara bertahap. Menurut kajian lepas oleh (Laila, 2015), terdapat empat tahap dalam proses ini iaitu tahap perhatian, tahap penyimpan dalam ingatan, tahap reproduksi, dan tahap motivasi. Pada tahap pertama iaitu tahap perhatian di mana proses ini berlaku melalui penglihatan seperti melihat sesuatu objek atau perilaku model yang menarik atau unik. Hal ini dapat dikaitkan dengan seorang guru boleh mengaplikasikan antonasi suara dan membuat gaya ketika memberi penerangan di dalam kelas. Ini kerana, melalui proses ini pelajar mudah untuk menerima sesuatu pembelajaran.

Pada tahap kedua iaitu tahap penyimpan dalam ingatan yang mana proses ini segala maklumat yang dilihat terhadap perlakuan model itu dapat ditangkap dan disimpan dalam ingatan. Contohnya, seorang guru menggunakan kaedah membaca sifir sambil berlagu. Dengan keadah tersebut membuatkan pelajar mudah ingat dan terikut di samping memudahkan mereka untuk mengingat segala yang diajar.

Seterusnya, pada peringkat ketiga pula iaitu tahap reproduksi di mana segala bayangan perlakuan yang mereka lihat berisi pengetahuan telah disimpan dalam ingatan. Oleh itu, untuk menguji daya ingatan mereka, guru boleh membuat apa-apa ujian seperti kuiz untuk menguji daya ingatan mereka.

PENGHAYATAN TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM

Asuhan Tilawah al-Quran

Dalam subjek Pendidikan Islam ini terbahagai kepada pelbagai cabang dan salah satunya ialah bidang Asuhan Tilawah al-Quran, yang mana setiap pelajar perlu menguasai bidang tilawah al-Quran ini mengikut tahap-tahap yang disediakan. Melalui kajian ini, pengkaji melihat tahap penguasaan pelajar dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran terhadap pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kuantan, Pahang. Oleh itu merujuk kepada kajian lepas oleh (Abdullah, 2018), masih terdapat kelemahan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam menyampaikan pengajaran. Hal ini kerana, guru-guru masih menggunakan teknik pengajaran yang lama iaitu kaedah berpusatkan guru di mana pelajar kurang dilibatkan secara aktif dalam sesi pembelajaran. Rentetan dari itu, ianya memberikan impak yang besar dalam penguasaan pelajar terhadap bidang asuhan tilawah al-Quran ini lebih-lebih lagi pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Bidang Ulum Syariah (Akidah)

Akidah ialah menurut al-Ghazali, sangat penting bagi seseorang memahami dengan penuh keyakinan tentang makna dan isi kandungan syahadah iaitu penyaksiannya bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan nabi Muhammad itu pesuruh Allah, dengan keyakinan tersebut dapat mendorongnya mendukung sunnah di samping dapat memelihara dari terpengaruh dengan golongan sesat atau ahli bid'ah ini (Mansor, 2006) Melalui akidah, kita dapat mewujudkan perasaan yang yakin dengan kewujudan zat, sifat dan segala perbuatan Allah (s.w.t.) dan keyakinan tentang kebenaran Rasul (s.a.w.).

Bidang Ulum Syariah (Ibadah)

Bidang Ulum Syariah yang meragkumi aspek ibadah ini sangat penting untuk dipelajari dan diamalkan oleh setiap umat Islam dan perlunya pendidikan dan pendedahan dari awal lagi. Pada aspek ibadah ini ianya termasuklah menunaikan solat, ibadah puasa, membaca al-Quran, Zikir, Doa dan Wirid.

Bidang Ulum Syariah (Sirah)

Dalam Pendidikan Islam, adanya bidang Ulum Syariah yang menfokuskan berkitan sirah Nabi dan para sahabat. Sirah ini bukanlah untuk mengetahui cerita-cerita yang berlaku pada zaman Nabi sahaja, malah melalui sirah ini dapat menjadi panduan umat masa kini terutamanya dari aspek sosial. Berdasarkan kajian oleh (Ahmad M. N., 2018), pelbagai peranan sirah dalam aspek sosial. Antaranya ialah peranan dalam usaha membina akidah, sirah dapat menggambarkan kebudayaan Islam, system kemasyarakatan dalam Islam dan sirah juga mengajar ekonomi dalam Islam. Dengan itu, melalui sirah ini, kita dapat aplikasikan dalam hubungan sosial pada masa kini.

Bidang Ulum Syariah (Akhlag Islamiah)

Pendidikan akhlak yang diadakan di sekolah adalah untuk membantu dan mendidik pelajar membentuk peribadi dan berakhlak mulia. Ini kerana mereka merupakan asset Negara yang penting di masa hadapan. Oleh itu pentingnya pendidikan akhlak ini dalam kalangan pelajar sekolah rendah supaya mereka dapat menunjukkan akhlak dan tauladan yang baik kepada generasi yang seterusnya. Menurut kajian oleh (Embong, 2014), terdapat beberapa peranan pendidikan akhlak kepada manusia. Antaranya ialah membentuk semangat dan kecenderungan seseorang individu untuk melakukan kebaikan dengan semua makhluk Allah, berusaha menghindari segala perbuatan yang dilarang oleh Allah dan mampu mencegah ahli masyarakat dari melakukan kejahatan atau kemungkaran Allah.

Bidang Jawi

Jawi merupakan satu cabang ilmu kemahiran yang juga diajarkan kepada pelajar di sekolah. Ianya bukan sahaja untuk mengasah bakat pelajar dalam menulis dan membaca jawi, malah ianya dapat memartabatkan seni warisan budaya bangsa. Melalui Pelajaran Jawi, pelajar didedahkan dengan kemahiran menyebut, membaca dan menulis huruf-huruf, suku kata, perkataan dan teks Jawi (Nahar, 2016). Selaras dengan kemahiran yang didedahkan itu dapat mencapai objektif subjek Pendidikan Islam iaitu murid dapat membaca, membina dan menulis ayat atau teks dalam tulisan jawi dan khat seterusnya mendidik jiwa anak pelajar untuk terus bangga dan mencintai warisan seni budaya bangsa.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PENGHAYATAN AMALAN PENDIDIKAN ISLAM

Faktor Ibu Bapa

Ibu bapa merupakan egen yang paling penting bagi perkembangan anak-anak dari kecil sehingga dewasa iaitu mampu berdikari dan mampu membezakan yang baik dan buruk. Pendidikan dari ibu bapa merupakan pendidikan yang sangat penting selain dari guru. Oleh itu, ibu bapa mempunyai pengaruh yang sangat kuat dan rapat dalam perkembangan anak-anak terutamanya dalam memberikan pendidikan berkenaan agama Islam. Ini kerana, jika anak-anak menghayati setiap ajaran Islam itu, ianya juga boleh mengelakkan dari terlibat dengan perkara-perkara yang tidak sihat.

Selain itu, rumah merupakan madrasah pertama bagi anak-anak sebelum dihantar ke sekolah untuk dididik oleh guru. Tambahan lagi, ibu bapa juga merupakan role model buat anak-anak. Jika baik tauladan yang ditunjukkan, maka hasilnya juga baik dan sebaliknya. Berdasarkan kajian lepas oleh (Tan, 2016), mendapati pengaruh ibu bapa mempunyai hubungan yang rapat dengan tingkah laku remaja iaitu mampu memberi kesan kepada tindakan anak-anak, mampu mempengaruhi pencapaian dalam akademik, mempengaruhi moral anak-anak, dan juga mampu memberi kesan kepada penghayatan akhlak anak-anak. Menurutny lagi, masalah yang berlaku dalam kalangan remaja adalah disebabkan mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah.

Di samping itu, berdasarkan kajian oleh (Rohayati, 2004), juga menyokong bahawa ibu bapa berperanan sangat besar dalam mendidik dan membentuk jiwa dan rohani anak-anak kerana ibu bapa sangat istimewa yang mempunyai pengaruh yang besar dalam diri anak-anak termasuk berfungsi sebagai pelindung dalam semua hal dalam kehidupan anak-anak mereka. Jelas sekali menunjukkan ibu bapa merupakan egen terbesar dalam mempengaruhi anak-anak untuk ke arah yang lebih baik. Oleh itu, ibu bapa perlu mendorong anak-anak supaya menghayati setiap ilmu lebih-lebih lagi terhadap ilmu Pendidikan Islam.

Faktor Guru

Selain ibu bapa, para guru juga merupakan insan yang berpengaruh dalam pembentukan menjadi insan yang berguna di mata dunia. Ini kerana guru merupakan pusat anak-anak untuk mendapatkan ilmu pengetahuan termasuklah penerapan dalam penghayatan Pendidikan Islam. Rata-rata kajian lepas banyak menyentuh isu berkenaan kelemahan penghayatan Pendidikan Islam

dan penghayatan akhlak pelajar Islam yang perlu diperbaiki melalui mata pelajaran dan kurikulum Pendidikan Islam dan peranan guru sebagai pendidik ilmu dan akhlak pelajar (role model).

Bagi memastikan kefahaman dan menarik minat pelajar dalam sesi pembelajaran, guru mestilah menggunakan teknik atau kaedah pengajaran yang betul. Pelbagai kajian lepas yang dilakukan kebanyakannya menyebut tentang kelemahan atau ketidaksediaan guru dalam menyampaikan pengajaran merupakan punca kurangnya penghayatan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam ini. Hal ini selaras dengan kajian lepas oleh (Mokhtar, 2011), di mana kesediaan guru merupakan faktor kritikal yang menentukan kejayaan pelajar di dalam sesuatu pencapaian.

Di samping itu juga, faktor guru merupakan tunjang yang penting dalam meningkatkan penghayatan pelajar terhadap ilmu Pendidikan Islam khususnya. Dari kajian lepas oleh (Ilias, 2013), bahawa guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran seperti menggunakan kaedah BBM yang mampu menarik minat pelajar kerana penggunaannya boleh mengelakkan kebosanan dan secara tidak langsung dapat membangkitkan motivasi pelajar. Ini kerana berdasarkan hasil kajian lepas mendapati pelajar begitu berminat apabila Guru Pendidikan Islam (GPI) menggunakan alat bantu mengajar yang lebih interaktif dan mereka dapat memberi perhatian dan tumpuan yang sepenuhnya semasa proses PdP dijalankan.

Menurut (Mohamed, 2016), dalam kajiannya menyatakan bahawa teori akhlak guru menurut al-Ghazali menumpukan kepada enam akhlak seperti, seorang pendidik mestilah bersifat kasih sayang dan simpati iaitu menyayangi murid seperti anak sendiri, ikhlas dalam mendidik, sering menasihati, memberi teguran dengan penuh hikmah, memberi pengajaran mengikut tahap kemampuan akal pelajar dan beramal dengan ilmu. Ini kerana apabila guru dekat dengan pelajar, maka ianya dapat mempengaruhi tahap kefahaman dan penghayatan mereka dalam sesuatu pelajaran khususnya bagi subjek Pendidikan Islam.

Faktor Rakan

Di luar rumah, rakan merupakan pengaruh terbesar bagi anak-anak. Oleh itu, pemilihan rakan yang baik sangatlah penting kerana ianya mencerminkan sikap anak-anak. Masalah sosial sering berlaku disebabkan pengaruh rakan sebaya yang kuat di samping mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah lebih-lebih lagi bagi pelajar yang meningkat ke alam remaja yang baru ingin mengenal identiti mereka. Hal ini turut disokong berdasarkan hasil kajiannya yang lepas oleh (Dahar, 2007), bahawa pelajar lebih cenderung untuk mengikuti jejak langkah rakannya dalam setiap aspek dan secara tidak langsung faktor rakan memainkan peranan dalam mempengaruhi kecemerlangan akademik para pelajar.

Betapa pentingnya seseorang itu mempunyai akhlak yang baik. Ini adalah kerana ianya menjadi inti pati penghayatan dan pengamalan Islam. Menurut (Tamuri, 2011) menyatakan bahawa akhlak yang mulia akan menjadi penentu sama ada Islam itu diamalkan dan dihayati dengan sebaiknya atau tidak. Pengaruh rakan sebaya merupakan pengaruh yang mampu membawa kita terlibat dengan perkara yang baik mahupun sebaliknya. Hal ini turut disokong oleh kajian lepas bahawa pergaulan remaja dengan rakan sebaya yang membawa nilai buruk akan mempengaruhi remaja untuk bertingakhlaku negatif (Halim, 2017).

Selain itu, terdapat kajian yang lain yang turut menyokong bahawa pengaruh rakan merupakan faktor kepada kemenjadian seseorang pelajar. Berdasarkan kajian oleh (Emma, 2014),

rakan sebaya juga turut mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang individu. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa faktor rakan menjadi satu aspek yang penting bagi anak-anak pelajar khususnya dalam konteks penghayatan amalan Islam.

Faktor Media Massa

Media massa merupakan sesuatu proses media menyampaikan atau menyalurkan segala maklumat kepada masyarakat. Walaubagaimanapun, dengan adanya kemudahan media massa seperti telefon bimbit, komputer riba, dan lain-lain bukan sahaja memudahkan untuk mendapatkan maklumat malah ianya juga boleh mendatangkan cabaran buat para pelajar khususnya dalam amalan penghayatan Islam. Hal ini disokong dari kajian lepas oleh (Husin, 2017), faktor rakan dan media boleh memberi kesan negatif terhadap penghayatan akhlak pelajar. Secara signifikannya, penggunaan media perlu dikawal kerana berdasarkan dapatan menunjukkan akhlak pelajar semakin negatif sekiranya mereka terdedah dengan imej sonsang yang dipaparkan oleh media.

Dalam menerusi arus yang serba moden ini, penggunaan media massa serta alat eletronik yang canggih kian menjadi alat yang terpenting dalam mendapatkan sumber maklumat. Walaubagaimanapun, jika kecanggihan ini digunakan bukan pada tempatnya, maka ianya mampu memandu seseorang itu ke lembah yang tidak sihat. Hasil daripada ujian-ujian lepas yang dijalankan oleh (Ismail Z. , 2004), didapati tahap pendedahan media massa mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pegangan akhlak pelajar di mana semakin banyak masa yang diluangkan untuk media massa semakin rendah tahap pegangan akhlak pelajar.

Tambahan lagi, pengaruh media massa sangat memporong dalam menentukan tahap penghayatan pelajar terhadap Pendidikan Islam. Berdasarkan hasil kajian oleh (Ahmad, 2014), menyatakan bahawa, kurangnya penghayatan dari aspek penghayatan ibadah solat dalam kalangan pelajar UUM masih rendah dan daripada hasil kajian tersebut dapat dirumuskan bahawa faktor penentu kurangnya penghayatan dari sudut ibadah ini ialah antaranya disebabkan faktor penggunaan media massa yang melalaikan. Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa, kurangnya penghayatan pelajar terhadap amalan Pendidikan Islam berpunca daripada terpengaruh dengan penggunaan media massa yang melalaikan.

Faktor Persekitaran

Di samping faktor, ibu bapa, guru, pengaruh rakan sebaya dan media sosial, faktor persekitaran juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap penghayatan pelajar terhadap amalan dalam Pendidikan Islam. Faktor persekitaran yang kita boleh lihat adalah faktor persekitaran sekolah dan juga persekitaran tempat tinggal yang mampu mempengaruhi pelajar dalam menentukan tahap penghayatan mereka.

Di sekolah kebangsaan terdapat pelbagai kaum yang terdiri daripada kaum yang majoritinya kaum Melayu serta sebilangan dari kaum Cina dan India. Manakala, di SJKC pula, terdiri daripada majoritinya kaum Cina yang menganut agama Budha, India dengan agama Hindu dan minoritinya dari kaum Melayu yang menganut agama Islam. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil pelajar beragama Islam yang terdiri daripada kaum Cina dan India. Oleh yang

demikian, menunjukkan bahawa pelajar sedang terdedah kepada pengetahuan berkaitan dengan pelbagai agama rakan-rakan lain di sekolah.

Pelbagai kajian yang dilakukan berkenaan pelajar di SJKC yang kurang penghayatan dari sudut Pendidikan Islam. Berdasarkan kajian lepas oleh (Hashim, 2015), terdapat perbezaan persekitaran antara di Sk dan juga di SJKC iaitu realiti sebenarnya di SJKC ialah berlaku kekurangan guru, waktu pengajaran yang dikurangkan daripada enam menjadi kepada empat waktu, sesi pengajaran dan pembelajaran diadakan secara kelas bercantum, tiada kemudahan surau untuk amali solat dan amali wuduk serta tiada kemudahan kelas yang sempurna. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar beragama Islam di SJKC tidak mendapat kemudahan yang sepatutnya seperti rakan-rakan di SK. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa faktor persekitaran memainkan peranan dalam meningkatkan tahap penghayatan pelajar terhadap amalan dalam Pendidikan Islam manakala pihak berwajib perlu mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Di samping itu juga, menurut (Norddin, 2017) menyatakan bahawa situasi di SJKC mengenai guru bukan beragama Islam yang mengajar di SJKC tidak membenarkan murid menghadiri kelas Pendidikan Islam malah mengajar subjek lain di dalam kelas dengan mengambil masa waktu Pendidikan Islam tersebut. Hal ini sangat mebingungkan bukan sahaja para ibu bapa malah ianya akan mendatangkan kesan kepada masyarakat kelak.

Selain itu, persekitaran tempat tinggal pelajar juga memainkan peranan yang penting selain dari melihat faktor persekitaran sekolah. Berdasarkan kajian lepas oleh (Stapa, 2012), menunjukkan bahawa tingkah laku yang menyeleweng adalah kesan pengasuhan dan proses sosialisasi yang kurang sempurna. Perubahan-perubahan dalam masyarakat seterusnya menghasilkan perubahan yang melanggar norma masyarakat. Persekitaran tempat tinggal sangat mempengaruhi anak-anak dalam pembelajaran lebih-lebih lagi terhadap penghayatan pelajar dalam amalan Pendidikan Islam. Oleh itu, faktor ini juga boleh diambil kira atas permasalahan pelajar yang kurang penghayatan terhadap amalan dalam Pendidikan Islam.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijelaskan dapat dirumuskan bahawa individu yang turut mempengaruhi dalam meningkatkan amalan penghayatan pelajar ialah ibu bapa dan guru. Di sekolah guru perlu menekankan aspek kesediaan, pendekatan, kaedah pengajaran dan meningkatkan ilmu pengetahuan berkenaan dengan Pendidikan Islam. Walaupun pengkaji mendapati terdapat banyak kajian tentang amalan penghayatan dijalankan, tetapi kajian mengenai amalan penghayatan pelajar di SJKC kurang dijalankan. Justeru itu, pengkaji melihat kajian seperti ini perlu diperbanyakkan kerana ianya penting dan wajar dijalankan sebagai memenuhi ruang dan sempadan kajian dalam bidang Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Abdullah, M. N. (2018). Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran Berkesan Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam . *Universiti Teknologi Malaysia* , 7-8.
- Abdullah, M. R. (2010). Cabaran Interaksi Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 66.
- Ahmad, L. H. (2014). Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan sahsiah Muslim: Kajian Terhadap Pelajar di Politeknik Pantai Timur. *Universiti Malaya* .
- Ahmad, M. N. (2018). Sirah Dalam Menegakkan Perubahan Sosial Mengikut Pandangan syeikh Said Ramadhan Al-Buti. *Al-Banjari*, 266-268.
- Ahmad, S. (2014). Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid : Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of the Social Sciences Research* , 792.
- Ariffin, N. (2017). Personaliti Islam menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Sainifik Karya Farhan Hadi. *Universiti Putra Malaysia*, 4.
- Awang, A. (2011). Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. *Universiti Malaya* .
- Dahar, A. (2007). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecemerlangan Dalam Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan . *Universiti Teknologi Malaysia* , 6.
- Embong, W. H. (2014). Pendidikan Akhlak Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia Sebagai Asas Kecemerlangan Pencapaian Sains Dan Teknologi. *Universiti Teknologi Malaysia*, 3-4.
- Emma, N. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4.
- Fatmi, N. H. (2018). Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Semester 1, Satu Kajian di Politeknik Banting, Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.
- Halim, R. A. (2017). Penghayatan Agama Islam Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Persekitaran Sosial Dengan Salah Laku Seksual Pelajar Islam. *Universiti Teknologi Malaysia*, 34.
- Hashim, A. (2015). Isu-Isu Pendidikan Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Dalam Negeri Perak. *Journal of Islamic and Arabic Education* , 19.
- Husin, N. H. (2017). Cabaran Pendidikan Islam Di Era Media Sosial. *Malaysian Online Journal of Education*, 34.
- Ilias, M. F. (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari . *International Conference Dn Islamic Education 2013 (I C I E D 2 0 1 3)* , 949.
- Ismail, Z. (2004). Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja : Kajian Ke atas Fakir Miskin Di Kawasan Luar Bandar. *Universiti Kebangsaan Malaysia* , 8.
- Laila, Q. N. (2015). Pemikiran Pendidikan Moral ALbert Bandura. *Jurnal Program Studi PGMI*, 26-27.
- Lesilolo, H. J. (2018). Penerapan Teori Belajar Sosial Albert Bandura Dalam Proses Belajar Mengajar Di Sekolah. *KENOSIS*, 190.

- Malaysia, K. P. (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam. 2.
- Mansor, A. N. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. *Universiti Kebangsaan Malaysia* .
- Mansor, N. S. (2006). Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali. *Universiti Darul Iman*, 7-8.
- Mohamed, S. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam . *Akademika*, 32-33.
- Mokhtar, S. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *Gjat*, 73.
- Mokhtar, S. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor . *Global Jurnal Al- Thaqafah* .
- Muhamat, R. (2014). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Menguruskan Aktiviti Dakwah di Sekolah. 3.
- Nahar, N. (2016). Pengajaran Jawi Berkesan Dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa. *Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace*, 1.
- norddin, M. F. (2017). Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Universiti Teknologi Malaysia*, 8-9.
- Nordin, M. F. (2017). Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam Di Sekolah Jenis kebangsaan Cina. *Universiti Teknologi Malaysia*, 4.
- Nordin, M. F. (2017). Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina . *Universiti Teknologi Malaysia* .
- Othman, M. F. (2017). Pendidikan Rohani Berasaskan Sains al-Quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* .
- Stapa, Z. (2012). Fakkor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri . *Jurnal Hadhari Special Edition* , 16.
- Stroke, J. (2006). Panduan Untuk Melaksanakan Penelitian Dalam Kajian Media Dan Budaya, Yogyakarta. *Bentang Pustaka*.
- Talib, N. H. (2018). Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Semester 1, Satu Kajian Di Politeknik Banting Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1.
- Tamuri, A. H. (2011). Tahap Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menurut Pentaksiran Rakan Sebaya. *International Conference On Islamic Education 2011*, 4.
- Tan, R. (2016). Hubungan Pendidikan Keagamaan Oleh Ibu Bapa dan Pertautan Rakan Sebaya Dengan Akhlak Belia Di Institusi Pengajian Awam Yang Terpilih Di Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 95.